



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN LETAK KERETA**

**KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Tawaran ini adalah dipelawa dan terbuka kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** bertaraf bumiputera ( **TERENGGANU SAHAJA** ) yang berpengalaman di dalam Pengurusan Tempat Letak Kereta di bawah kod bidang **221510 (Tempat Letak Kereta)** untuk mengemukakan tawaran pajakan menjalankan Konsesi Medan Letak Kereta sebagaimana kenyataan di bawah:-

<b>1</b>	<b>NO SEBUTHARGA MBKT SH 2/2025</b>	<b>TAWARAN PAJAKAN UNTUK MENJALANKAN KONSESI MEDAN TEMPAT LETAK KERETA DI MEDAN TEMPAT LETAK KERETA "DATARAN ALAMANDA", JALAN TENGKU AMPUAN MARIAM, MUKIM BANDAR, KUALA TERENGGANU.</b>  <b>Tempoh Pajakan : 2 TAHUN</b>
----------	-----------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Kaunter Setempat Tempat Letak Kereta ( TLK ), Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** dengan harga **RM20.00/ = Senaskah (Tunai, Bank Draf Atau "Money order" Sahaja)**. Untuk maksud ini wakil-wakil pemborong hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA**  
**KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar "**No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 2 /2025**" dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **13 MAC 2025 (KHAMIS)**.

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **3 MAC 2025 (ISNIN)** hingga **12 MAC 2025 (RABU)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Syarikat / Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebut harga disetujuterima atau menarik balik sebut harga selepas keputusan dibuat maka lesen pendaftaran akan disyorkan untuk digantung.

**t.t**

**( DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF )**

Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.